

Muhyiddin, Khairy dijangka dipanggil SPRM

BH - 8/12/2022 ml: 3

Putrajaya: Tan Sri Muhyiddin Yassin, bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, dijangka dipanggil bagi memberi keterangan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dakwaan salah guna dana RM600 bilion.

Portal berita *The Vibes* yang memetik sumber berkata, siasatan SPRM itu adalah susulan laporan yang diterima daripada pihak tertentu yang mendakwa berlaku penyelewengan dalam pengurusan dana negara ketika pandemik COVID-19 melanda negara mulai 2020.

Ketika pentadbiran Muhyiddin sebagai Perdana Menteri, Tengku Zafrul dilantik sebagai Menteri Kewangan.

Khairy yang juga Menteri Sains dan Teknologi pada permulaan pentadbiran Muhyiddin, kemudiannya bertukar portfolio itu dengan Datuk Dr Adham Baba sebagai Menteri Kesihatan.

Menurut laporan *The Vibes* semalam, siasatan SPRM dengan

'Jangan cabar saya isu selang dana RM600b'

ANWAR MUDA: ANAK TERSEKUTU proses, prosedur tak dipatuhi ketika penertutupan PN



Laporan disiarkan BH, semalam.

memanggil tiga individu berkecuali mula didedahkan oleh penulis blog, Datuk Ahirudin Attan atau dikenali sebagai Rocky Bru, semalam.

Menurut blog itu, Tengku Zafrul dijangka dipanggil berikutan beliau adalah Menteri Kewangan sewaktu pentadbiran Kerajaan Perikatan Nasional (PN) bagi menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak 2020.

"Ada pihak memberitahu saya bahawa bekas Perdana Menteri, Muhyiddin Yassin, yang menjadikan Tengku Zafrul seorang senator dan Menteri Kewangan pada 2020, juga akan dipanggil oleh badan antirasuah itu.

"Bekas Menteri Kesihatan,

Khairy Jamaluddin juga akan diminta membantu siasatan. Beliau memegang jawatan itu sejak Ogos 2021 dan di bawah Muhyiddin, beliau memegang portfolio Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi," kata Rocky Bru.

Sementara itu, *BH* menghubungi Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki untuk mengesahkan perkara itu, namun tiada maklum balas setakat ini.

BH turut menghubungi pejabat Muhyiddin, Tengku Zafrul dan Khairy, namun sehingga berita ini ditulis jam 6 petang semalam, tiada sebarang reaksi daripada mereka.

SPRM buka kertas siasatan

Terdahulu malam kelmarin, Azam mengesahkan bahawa pihaknya sudah membuka kertas siasatan berhubung dakwaan perbelanjaan hampir RM600 bilion yang dilakukan kerajaan terdahulu.

Beliau bagaimanapun tidak mengulas lanjut berhubung siasatan yang sedang dilaksanakan agensi berkenaan.

"Ya, SPRM ada membuka kertas siasatan berhubung isu ini,"

katanya ringkas kepada BER-NAMA.

Kontroversi mengenai penggunaan dana kecemasan berjumlah lebih RM600 bilion ketika

negara berdepan pandemik COVID-19 pernah dibangkitkan oleh bekas Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari pada 15 November lalu.

Ibadat & Fadilat

Hudzaifah RA meriwayatkan Nabi SAW apabila berdiri hendak solat tahajud tengah malam, Baginda terlebih dahulu membersihkan mulutnya dengan siwak (sikat gigi dari kayu). (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
Kangar	6:04	1:13	4:34	7:05	8:19
Alor Setar	6:04	1:13	4:34	7:05	8:20
P. Pinang	6:03	1:13	4:35	7:06	8:21
Ipoh	5:59	1:10	4:33	7:06	8:20
Kuala Lumpur	5:55	1:08	4:30	7:05	8:19
Shah Alam	5:55	1:08	4:30	7:05	8:19
Johor Bahru	5:43	12:59	4:23	6:59	8:14
Kuantan	5:48	1:02	4:25	7:00	8:14
Seremban	5:52	1:06	4:30	7:05	8:19
Bandar Melaka	5:50	1:05	4:29	7:04	8:18
Kota Bharu	5:56	1:05	4:26	6:58	8:08
K. Terengganu	5:51	1:01	4:23	6:55	8:10
Kota Kinabalu	5:01	12:11	3:32	6:04	7:19
Kuching	5:18	12:34	3:58	6:34	7:48